



Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Seksyen Media
Unit Komunikasi Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Tel : 03-2617 9812

Faks : 03-2694 1373

e-mel : akhbar@dbkl.gov.my

()dlm.DBKL / JP / 05 / 2010 / 7001-4

MAKLUMBALAS MEDIA

Pengarang
Surat kepada Pengarang
Berita Harian

DBKL, JKR biar jalan bahaya

Kami merujuk kepada aduan oleh *Wan JKPB, Cheras* di dalam ruangan *Surat kepada Pengarang* bertarikh 1 Januari 2010 dan ingin menjelaskan mengenainya.

Dimaklumkan bahawa, laluan Km4 Jalan Cheras susur ke persimpangan Jalan Chan Sow Lin terlibat dengan Projek Menaiktaraf Persimpangan Jalan Pudu / Jalan Cheras / Jalan Tun Razak dan Jalan Chan Sow Lin.

Sehubungan dengan itu, kabel utiliti yang sediaada di lokasi berkenaan seperti TNB, Telekom dan TIME Telekom perlu dialihkan terlebih dahulu dan ini melibatkan kerja-kerja pengorekan dan pemasangan semula utiliti berkenaan. Kerja-kerja pengorekan tersebut telah menyebabkan jalan tidak rata dan berlubang.

DBKL telah mengarahkan syarikat-syarikat utiliti terbabit untuk menurap semula bahagian yang terlibat dengan pengorekan bagi keselesaan pengguna jalanraya.

Sekian.

ANWAR BIN MOHD ZAIN

Pengurus Komunikasi Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
11 Januari 2010
25 Muharam 1431H